



## **TEKS UCAPAN**

### **MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN MAC KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA & WILAYAH (KKDW) TAHUN 2023**

**YANG AMAT BERHORMAT  
DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI KEMAJUAN DESA & WILAYAH**

**IBU PEJABAT RISDA, KUALA LUMPUR  
2 MAC 2023 (KHAMIS)  
8.30 PAGI**

## **PENGENALAN DAN PENGHARGAAN**

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak RISDA, terutamanya Yang Berbahagia Datuk Abdullah bin Zainal dan seluruh warga kerjanya kerana berjaya mengatur program ini dengan baik sekali.
  
2. Saya merasa amat bertuah dan berbesar hati dapat bersua muka dengan semua warga KKDW dan agensi dibawahnya yang ada pada hari ini. Sesungguhnya, kehadiran dan penglibatan semua pada hari ini adalah cerminan kepada semangat kebersamaan warga KKDW dalam melaksanakan agenda kerajaan menyahut dan memartabatkan slogan Desa Madani.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

## **PASCA BENGKEL STRATEGIK KKDW 2023**

3. Sejak saya menjadi Menteri KKDW, saya mulakan dengan memperkenalkan konsep kemajuan DESA yang lebih holistik dan komprehensif sesuai dengan komitmen KKDW dengan memajukan 4 imperatif utama dalam usaha saya menerajui Kementerian yakni :

**D : Data dan Digital**

**E : Ekonomi**

**S : Sosial dan Sahsiah**

**A : Akses dan Alam Sekitar**

4. Kemudian, kemajuan DESA ini saya rangkum untuk diukur secara spesifik dan lebih jelas bagi menilai setiap kemajuan dan pembangunan yang dijalankan melalui kaedah dan formula **SMART (*Specific, Measurable, Attainable, Relevant and Time-Bound*).**

5. Setelah kedua-dua imperatif dan kaedah penilaian dilakukan, kita telah menjalankan Bengkel Strategik KKDW pada 10 Februari lalu dan di dalam Bengkel Strategik tersebut kita telah memberi penekanan kepada pelaksanaan empat (4) tunjang utama pembangunan iaitu **PRASARANA LUAR BANDAR, MODAL INSAN, KEUSAHAWANAN dan EKONOMI LUAR BANDAR** menerusi pelaksanaan 22 program *quick wins* serta 19 *game changer* yang telah dikenal pasti dan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.
  
6. Justeru, mendepani 100 hari pentadbiran Kerajaan Madani ini saya percaya, hala tuju serta visi Kementerian yang saya ingin bawakan adalah jelas, tetapi kita perlu terus istiqamah di dalam menjalani tugasan yang diberikan khususnya **“follow up dan follow through”** semua perancangan yang kita lakukan.

7. Saya mahu keseluruhan pembangunan desa diberi penilaian di peringkat *outcome* dengan keberhasilan yang efektif agar ia lebih bermakna sifatnya buat masyarakat desa. Keberhasilan ini juga perlu disulami perimbangannya dengan kegembiraan fizikal (*physical happiness*) dan kegembiraan batiniah (*spiritual happiness*)

## **SENARIO SEMASA INDUSTRI GETAH NEGARA DAN PEKEBUN KECIL GETAH**

Hadirin dan hadirat warga KKDW sekalian,

8. Memandangkan hari ini, RISDA menganjurkan perhimpunan bulanan, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan RISDA.
  
9. RISDA kini berdepan dengan cabaran yang besar dalam memastikan *survival* seramai 552,543 orang pekebun kecil yang bergantung

kepada tanaman getah sebagai punca pendapatan.

10. Senario ketidakstabilan harga, cuaca tidak menentu, serangan penyakit pokok, kekurangan tenaga kerja dan persaingan komoditi lain adalah antara cabaran utama yang dihadapi dalam sektor ini.
11. Walau apa pun situasinya, tanaman getah masih menjadi tanaman pilihan kerana ianya merupakan tanaman komoditi yang masih diberi bantuan penuh oleh kerajaan sehingga hari ini. Ini membuktikan komitmen Kerajaan yang tidak berbelah bahagi dalam membela nasib masyarakat pekebun kecil getah sejak RISDA mula ditubuhkan pada tahun 1973.

## **PENGUMUMAN BAJET 2023 MEMANFAATKAN PEKEBUN KECIL GETAH**

12. Melalui pembentangan Belanjawan 2023 Malaysia Madani baru - baru ini, kita dapat lihat pelbagai inisiatif yang diumumkan untuk diterjemahkan kepada pembangunan dan peningkatan taraf kehidupan komuniti warga desa.
13. Golongan pekebun kecil getah juga tidak terkecuali dalam menerima manfaat tersebut, antaranya ialah :
  - i. Kerajaan bersetuju untuk menaikkan paras Harga Pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) daripada RM 2.50 kepada RM2.70 sen sekilogram, dengan peruntukan sebanyak RM 350 juta.

- ii. Kerajaan turut bersetuju menaikkan sumbangan musim tengkujuh daripada RM 600.00 kepada RM 800.00 bagi tempoh empat bulan. Ini akan meringankan beban 320 ribu pekebun kecil dengan nilai peruntukan bernilai RM 256 juta.
- iii. Bagi meningkatkan permintaan getah sekali gus menambah pendapatan pekebun kecil, Kerajaan menyediakan RM 50 juta untuk menggunakan *Cuplump Modified Bitumin* (CMB) bagi penyelenggaraan jalan.
- iv. Kerajaan juga mencadangkan FELDA, FELCRA dan RISDA menyuburkan tanah - tanah terbiar dengan keluasan sehingga 800 ekar untuk projek tanaman makanan.
- v. Kerajaan turut menyediakan peruntukan bernilai RM 30 juta untuk kerjasama dengan kerajaan negeri bagi melaksanakan projek-

projek agromakanan (bagi keterjaminan makanan) yang bakal memanfaatkan seramai 1,490 orang peserta.

14. Belanjawan pada tahun ini merupakan satu pendekatan holistik yang bukan sahaja menjamin kelangsungan hidup pekebun kecil, malah bagi memastikan sektor industri getah negara terus berada dalam keadaan yang dinamik dengan matlamat produktiviti hasil getah terus menunjukkan peningkatan yang signifikan.

## **INISIATIF DAN PROGRAM PEMBANGUNAN RISDA 2023**

Hadirin dan hadirat sekalian,

15. Seiring dengan pelancaran Tahun Peningkatan Pendapatan dan Produktiviti Pekebun Kecil yang akan dilancarkan sebentar nanti, RISDA

menggariskan lima komponen strategi utamanya iaitu :

- i. Pembangunan Kawasan Bertanam Getah;
  - ii. Peningkatan Produktiviti & Pembangunan;
  - iii. Pembangunan Semula Hasil Baharu;
  - iv. Rawatan Penyakit Luruhan Daun; dan
  - v. Sumbangan Musim Tengkujuh
16. Kesemua komponen ini melibatkan nilai peruntukan sebanyak RM 676.4 juta pada tahun ini.
17. Kesemua program ini dirangka bagi memastikan pekebun kecil dapat memajukan kebun getah dengan subsidi utama sehektar RM 13,710 bagi kawasan Semenanjung, RM 14,805 bagi Negeri Sarawak dan RM 14,955 bagi Negeri Sabah.

## **INISIATIF PENGELUARAN LATEKS**

Hadirin dan Hadirat sekalian,

18. Pelaksanaan Program Getah Matang melalui inisiatif pengeluaran lateks juga dilihat mampu meningkatkan pendapatan pekebun kecil.
19. Ini kerana harga bagi lateks kini boleh mencecah sehingga RM 6.37 per kilogram berbanding harga skrap ladang diterima pekebun kecil iaitu RM 2.41 per kilogram.
20. Ini jelas menunjukkan peningkatan melebihi 30% pendapatan boleh dinikmati oleh pekebun kecil getah menerusi penghasilan lateks berbanding skrap.
21. Bagi menyokong penghasilan lateks oleh pekebun kecil, Penetapan Zon Pengeluaran Lateks dengan nisbah pembangunan satu unit

depo antara 500 hingga 1,000 hektar kawasan penanaman getah juga dirancang untuk membantu meningkatkan produktiviti getah kepada 1,800/kg/hektar/tahun.

22. Setakat ini saya dimaklumkan bahawa RISDA telah membina 51 unit Depo Pengumpulan Lateks untuk penjualan hasil lateks dengan kaedah pemasaran berkelompok secara jualan terus ke kilang.
23. Saya menyarankan agar RISDA mensasarkan penambahan sebanyak 15 unit depo untuk manfaat kepada 7,000 orang pekebun kecil di seluruh negara pada tahun ini.

## **INISIATIF PROGRAM KEUSAHAWANAN**

Hadirin dan hadirat sekalian,

24. Usaha meningkatkan taraf pendapatan pekebun kecil dan isi rumah tidak hanya sekadar meningkatkan produktiviti hasil daripada kebun sahaja.
25. Oleh itu, pelan pelaksanaan **Program Keusahawanan pekebun kecil** dirancang dengan fokus bagi melahirkan usahawan bimbingan RISDA yang berdaya maju dalam pelbagai bidang.
26. Melalui pelan ini, sasaran yang kita tetapkan sehingga tahun 2025 adalah untuk :
  - i. Melahirkan dan membimbing seramai 22,500 orang usahawan pekebun kecil dengan menyediakan bantuan dengan nilai RM 20 ribu ; dan

ii. Memastikan 30% pekebun kecil memperoleh purata pendapatan sekurang - kurangnya RM 2,500.00 sebulan sekeluarga melalui aktiviti keusahawanan.

Hadirin dan hadirat warga KKDW sekalian,

## PENUTUP

27. Di akhir ucapan saya, saya ingin rakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri di atas peruntukan **berjumlah RM11.04 bilion kepada KKDW**. Jumlah ini adalah **RM510 juta atau 4.85% lebih tinggi daripada peruntukan 2022**. Jumlah ini juga menunjukkan komitmen tinggi dan berterusan Kerajaan dalam melaksanakan agenda pembangunan **khususnya kepada 8.1 juta masyarakat desa**.

28. Pendekatan dalam Belanjawan 2023 boleh melegakan tekanan yang sedang dihadapi rakyat berikutan kenaikan kos sara hidup, pendapatan yang terhad dan bencana alam seperti banjir.
29. Saya percaya lebih banyak projek dan program pembangunan dapat dilaksanakan melalui peruntukan ini, bukan sahaja dari segi infrastruktur tetapi seperti apa yang saya katakan di awal ucapan saya tadi aspek ekonomi, sahsiah, spiritual dan modal insan mesti terus diberi penekanan.
30. Teruskan bekerja kuat, *work together as a team*, sentiasa pro-aktif dan pastikan semua yang kita rancang selama ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam kita mensejahtera dan memakmurkan masyarakat DESA.

**Sekian,**  
**Wabillahi Taufik Walhidayah,**  
**Wassalamualaikum Warahmatullahi**  
**Wabarakatuh.**  
**Terima Kasih.**